

# **Dasar Privasi Global**

## **BAHAGIAN A – Am**

### **1. Mengenai Dasar ini**

Bahagian A ini (Am) (“Dasar”) terpakai kepada pengumpulan, pemegangan, penggunaan, dan penzahiran (“pemprosesan”) data peribadi individu di luar Jepun oleh PERSOL CAREER CO., LTD. (“kami”).

### **2. Cara Kami Mengumpul Data Peribadi Anda**

#### **(a) Untuk pencari kerja**

**Maklumat yang anda berikan kepada kami.** Kami mungkin menerima maklumat yang anda berikan kepada kami, sama ada melalui borang yang dihantar secara emel, surat, atau yang lain-lain, seperti nama, alamat, alamat emel, nombor telefon, maklumat tempat kerja, bahagian dan jabatan, jawatan, kedudukan, Curiculum Vitae (CV), cadangan, sejarah pekerjaan, dan maklumat lain yang diperlukan untuk memohon pekerjaan atau memperkenalkan maklumat pengambilan, butiran pertanyaan anda, dan maklumat lain yang berkaitan.

**Maklumat yang kami perolehi dari sumber lain.** Kami juga mungkin menerima maklumat dari ahli gabungan dan ejen kami, seperti nama, alamat, alamat emel, nombor telefon, maklumat tempat kerja, bahagian dan jabatan, jawatan, Curiculum Vitae (CV), cadangan, sejarah pekerjaan, dan maklumat lain yang diperlukan untuk memohon pekerjaan atau memperkenalkan maklumat pengambilan, butiran pertanyaan anda, dan maklumat lain yang berkaitan.

#### **(b) Untuk kakitangan syarikat pengambilan pekerjaan**

**Maklumat yang anda berikan kepada kami.** Kami mungkin mengumpul maklumat yang anda berikan kepada kami, sama ada melalui borang yang dihantar secara emel, surat, atau yang lain-lain, seperti nama, alamat emel, nombor telefon, nombor faks, maklumat tempat kerja, bahagian dan jabatan, jawatan, dan maklumat lain yang berkaitan.

**Maklumat yang kami perolehi dari sumber lain.** Kami juga mungkin menerima maklumat dari ahli gabungan dan ejen kami, seperti nama, alamat emel, nombor telefon, nombor faks, maklumat tempat kerja, bahagian dan jabatan, jawatan, dan maklumat lain yang berkaitan.

### **3. Tujuan Pemprosesan Data Peribadi**

Kami memproses data peribadi yang kami pegang mengenai anda untuk tujuan yang dinyatakan di bawah. Kami hanya akan memproses data peribadi anda sekiranya diperlukan untuk memenuhi tujuan-tujuan berikut:

#### **(a) Untuk pencari kerja**

- (i) untuk menangani permintaan anda;
- (ii) untuk memberikan perkhidmatan melalui ahli gabungan dan ejen kami atau untuk memberikan perkhidmatan secara langsung kepada anda berdasarkan permintaan ahli gabungan dan ejen kami;
- (iii) untuk menghubungi anda (termasuk untuk menangani pertanyaan anda);

- (iv) untuk meminta kerjasama anda dalam tinjauan berkaitan dengan aktiviti perniagaan kami untuk penambahbaikan dan/atau pengembangan;
- (v) untuk menjalankan analisis, pemprosesan statistik dan pembelajaran mesin yang bertujuan untuk penambahbaikan perkhidmatan yang dimohon dan pembangunan perkhidmatan lain;
- (vi) untuk mematuhi sebarang undang-undang dan peraturan yang terpakai kepada kami;
- (vii) untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa dan agensi kerajaan yang berkaitan, termasuk pihak berkuasa perlindungan data yang kompeten dan pihak yang terlibat dalam siasatan pentadbiran atau jenayah; dan
- (viii) untuk menubuhkan, melaksanakan, atau membela tuntutan undang-undang.

**(b) Untuk kakitangan syarikat pengambilan pekerjaan**

- (i) untuk menangani permintaan anda atau menjalankan perjanjian dengan anda;
- (ii) untuk memberikan perkhidmatan secara langsung atau melalui ahli gabungan dan ejen kami;
- (iii) untuk menghubungi anda (termasuk untuk menangani pertanyaan anda);
- (iv) untuk meminta kerjasama anda dalam tinjauan berkaitan dengan aktiviti perniagaan kami untuk penambahbaikan dan/atau pengembangan;
- (v) untuk menjalankan analisis, pemprosesan statistik dan pembelajaran mesin yang bertujuan untuk penambahbaikan perkhidmatan yang dimohon dan pembangunan perkhidmatan lain;
- (vi) untuk mematuhi sebarang undang-undang dan peraturan yang terpakai kepada kami;
- (vii) untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa dan agensi kerajaan yang berkaitan, termasuk pihak berkuasa perlindungan data yang kompeten dan pihak yang terlibat dalam siasatan pentadbiran atau jenayah; dan
- (viii) untuk menubuhkan, melaksanakan, atau membela tuntutan undang-undang.

**4. Penzahiran Data Peribadi kepada Penerima dan Penggunaan Bersama Data Peribadi**

Kami mungkin menzahirkan data peribadi anda kepada kategori penerima berikut:

- (a) **Pekerja:** Kami mungkin menzahirkan data peribadi anda kepada pekerja kami yang mempunyai kuasa dan keperluan untuk mengakses data peribadi.
- (b) **Pembekal perkhidmatan:** Kami mungkin menzahirkan data peribadi anda kepada pembekal perkhidmatan, seperti pembekal perkhidmatan IT.
- (c) **Pihak ketiga:** Kami mungkin menzahirkan data peribadi anda kepada pihak ketiga, seperti ahli gabungan kami, ejen, pencari kerja (data peribadi kakitangan syarikat pengambilan pekerjaan sahaja) dan syarikat pengambilan pekerjaan (data peribadi pencari kerja sahaja).

Kami juga boleh menzahirkan data peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga selain daripada yang dinyatakan di atas, termasuk agensi-agensi awam, sekiranya penzahiran adalah diperlukan untuk mencapai tujuan pemberian data peribadi kepada kami atau tujuan lain yang kami nyatakan semasa mendapat persetujuan atau data peribadi daripada anda, setakat yang diperlukan untuk mematuhi

sebarang undang-undang dan peraturan yang terpakai kepada kami, untuk berkerjasama dengan pihak berkuasa dan agensi kerajaan yang berkaitan, atau untuk menubuhkan, melaksanakan atau membela tuntutan undang-undang.

Di bawah undang-undang Jepun, kami boleh menggunakan rangka kerja penggunaan bersama di bawah Akta Perlindungan Informasi Peribadi untuk berkongsi data peribadi mengenai kakitangan syarikat pengambilan pekerjaan yang dirujuk dalam Bahagian 2 (Cara Kami Mengumpul Data Peribadi Anda) dengan Kumpulan PERSOL (sila rujuk kepada senarai semasa syarikat-syarikat Kumpulan di: <https://www.persol-group.co.jp/en/corporate/group/>), untuk tujuan komunikasi dan penawaran perkhidmatan yang disediakan oleh Kumpulan PERSOL serta maklumat yang berkaitan, dan untuk menanyakan mengenai keutamaan/pilihan. Orang yang bertanggungjawab bersama ke atas pengurusan data peribadi yang digunakan adalah seperti berikut:

Nama syarikat: PERSOL HOLDINGS CO., LTD.

Alamat: 2-1-1 Yoyogi, Shibuya-ku, Tokyo

Wakil: Takao Wada, Pengarah Perwakilan, Presiden dan CEO

Kami mewajibkan semua penerima data peribadi anda untuk menyifatkannya sebagai sulit dan hanya memprosesnya mengikut keperluan yang ketat dari segi undang-undang dan peraturan perlindungan data yang terpakai, dan perlindungan undang-undang lain yang terpakai seperti yang dinyatakan dalam Lampiran untuk setiap bidang kuasa.

## **5. Tempoh Penyimpanan Data Peribadi**

Kami akan menyimpan data peribadi anda yang kami kumpulkan untuk tempoh yang diperlukan untuk memproses data peribadi tersebut. Namun, peruntukan ini tidak terpakai jika kami dikehendaki oleh undang-undang atau peraturan untuk menyimpan data peribadi anda untuk tempoh yang lebih lama. Dalam kes ini, kami akan menyimpan data peribadi anda untuk tempoh seperti yang diperlukan oleh undang-undang atau peraturan.

## **6. Hak Anda**

Anda mempunyai hak-hak undang-undang berkaitan dengan data peribadi yang kami memegang mengenai anda. Hak-hak ini mungkin berbeza bergantung kepada lokasi anda dan undang-undang perlindungan data yang terpakai kepada hubungan antara anda dan kami, tetapi secara umumnya akan termasuk:

- (a) hak untuk mendapatkan maklumat mengenai pemrosesan data peribadi anda dan untuk mengakses data peribadi yang kami memegang mengenai anda;
- (b) hak untuk meminta agar kami membetulkan data peribadi anda jika ia tidak tepat atau tidak lengkap;
- (c) hak untuk meminta agar kami memadam data peribadi anda dalam keadaan tertentu;
- (d) hak untuk meminta agar kami mengehadkan pemrosesan data peribadi anda dalam keadaan tertentu;
- (e) hak untuk membantah pemrosesan data peribadi anda oleh kami;
- (f) hak untuk menerima data peribadi anda dalam format yang tersusun, digunakan secara umum, dan boleh dibaca mesin dan/atau hak untuk meminta agar kami menghantar secara langsung data peribadi kepada penerima jikalau ini adalah boleh dilaksanakan secara teknikal; dan

- (g) hak untuk menarik balik persetujuan anda terhadap pemprosesan data peribadi anda oleh kami pada bila-bila masa.

Anda boleh menggunakan mana-mana hak anda dengan menghubungi kami, menggunakan maklumat tentang kami yang dinyatakan di bawah dalam Bahagian 8 (Hubungi Kami). Anda juga boleh membuat aduan kepada pihak perlindungan data yang berkuasa di bidang kuasa yang berkaitan jika anda percaya bahawa mana-mana hak anda telah dilanggar oleh kami dan atas sebab lain yang dinyatakan dalam Bahagian B (Keperluan Bidang Kuasa).

## **7. Langkah Kawalan Keselamatan**

Kami melaksanakan langkah-langkah yang diperlukan dan sesuai untuk memproses data peribadi anda, dan mengawal keselamatan maklumat peribadi, seperti penubuhan dasar-dasar asas dan peraturan untuk pemprosesan maklumat peribadi yang sesuai, serta langkah-langkah keselamatan organisasi, kakitangan, fizikal, dan teknikal. Selain itu, kami menjalankan pengawasan yang sesuai terhadap kontraktor dan pekerja yang memproses data peribadi. Apabila memproses data peribadi di luar negara, kami mengambil langkah-langkah kawalan keselamatan yang sesuai selepas memahami undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan data peribadi di negara asing yang berkenaan.

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai langkah-langkah kawalan keselamatan kami, sila hubungi kami menggunakan maklumat hubungan yang dinyatakan di Bahagian 8 (Hubungi Kami).

## **8. Hubungi Kami**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Dasar ini, hak anda, atau sebarang perkara lain yang berkaitan dengan perlindungan maklumat peribadi, sila hubungi kami di alamat emel berikut:

Alamat emel: [globalcareer@persol.co.jp](mailto:globalcareer@persol.co.jp)

Kandungan Dasar ini boleh diubah untuk melindungi data peribadi anda atau untuk mematuhi sebarang pindaan undang-undang, peraturan, atau kaedah lain. Anda akan dimaklumkan mengenai sebarang perubahan di laman web kami, atau melalui cara lain.

## **BAHAGIAN B – KEPERLUAN BIDANG KUASA**

### **Bagi sesiapa di Malaysia**

Lampiran ini terpakai kepada sesiapa di Malaysia dan setakat mana undang-undang perlindungan data peribadi Malaysia terpakai (“Lampiran Malaysia”). Lampiran Malaysia ini adalah sebagai tambahan dan bukan pengurangan kepada Dasar yang dinyatakan di atas. Dasar dan Lampiran Malaysia ini secara kolektif dirujuk sebagai “Dasar Privasi Malaysia” dalam Lampiran Malaysia ini.

#### **1. Pemberian Data Peribadi**

Sila ambil perhatian bahawa pemberian data peribadi anda adalah secara sukarela.

Walau bagaimanapun, jika anda memilih untuk menahan, menarik balik atau mengehadkan persetujuan bagi kami untuk memproses data peribadi anda, kami mungkin tidak dapat memproses data peribadi anda untuk mana-mana tujuan seperti yang dinyatakan dalam Dasar Privasi Malaysia ini.

Anda boleh menolak pemindahan data peribadi anda kepada pihak ketiga yang berada di luar negara, dengan menunjuk bahawa anda tidak bersetuju untuk pemindahan antarabangsa atau dengan meminta kami untuk menghentikan pemindahan lintas sempadan. Walau bagaimanapun, penolakan ini akan memberi kesan kepada proses pengambilan pekerjaan, dan kami mungkin tidak dapat memberikan perkhidmatan pengambilan pekerjaan kepada anda.

#### **2. Butiran Hubungan**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Dasar Privasi Malaysia ini, hak anda, atau perkara lain yang berkaitan dengan perlindungan data peribadi, anda boleh juga menghubungi orang berikut:

- (a) Jawatan orang hubungan: Bahagian Korporat, Pengurus Bahagian
- (b) Alamat emel: [globalcareer@persol.co.jp](mailto:globalcareer@persol.co.jp)

#### **3. Bahasa Dasar Privasi Malaysia**

Dasar Privasi Malaysia ini dikeluarkan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara versi bahasa Inggeris dan versi bahasa Melayu, versi bahasa Inggeris akan diguna pakai.

**Tarikh kuat kuasa: Jun 1, 2024**